

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23**

**N38 BAYAN LEPAS**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' yang di-Pertua, ahli-ahli Sidang Muda yang saya hormati, termasuk ahli - ahli pembangkang yang saya kasihi.

Saya akan menyokong **“Usul Perbahasan Mengenai Usul Pemangkin Pembangunan Dan Perkembangan Penggunaan Teknologi Hijau Sebagai Usaha Strategik Untuk Merangsang Pertumbuhan Sosio-Ekonomi Negara”** yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bayan Lepas, cadangan usul ini menunjukkan usaha kerajaan negeri kita mempercepat transformasi bandar kita menjadi bandar rendah karbon.

Dato' yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada kerajaan negeri, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang melaksanakan agenda dan projek yang memang dinanti-nantikan oleh rakyat. Sebahagian daripada projek yang dinyatakan di atas sudah siap atau sedang dijalankan. Demi menjadikan Bayan Lepas satu tempat yang lebih baik dan lestari, maka ada beberapa cadangan projek yang perlu dipertimbangkan oleh kerajaan negeri.

Pembangunan bandar adalah punca utama pelepasan gas rumah kaca (GHG) yang menyumbang kepada masalah perubahan iklim global. Keadaan ini semakin teruk apabila tidak diambil langkah-langkah yang berkesan untuk melaksanakan pembangunan hijau dan berkelanjutan. Mengikut program Bandar Rendah Karbon, jumlah keseluruhan pengurangan karbon di seluruh negara yang didaftarkan dari 2011 hingga 2022 ialah 148,572.20 tan karbon setara (CO<sub>2</sub>e). Bandar rendah karbon adalah bandar di mana masyarakat menggunakan teknologi hijau dan emisi rendah karbon untuk mengelakkan kesan perubahan iklim melalui penggunaan sumber yang berkesan dan mengurangkan pembaziran. Justeru, keinginan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara rendah karbon merupakan salah satu daripada tujuh

keutamaan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dengan menyasarkan kewujudan 200 zon rendah karbon di seluruh negara menjelang 2030. Dengan gabungan pengeluaran tenaga 22.1 peratus daripada sumber tenaga boleh diperbaharui dan persetujuan untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG sebanyak 45 peratus GDP menjelang 2030 berbanding tahap intensiti pada tahun 2005, Malaysia bersedia menjadi contoh terbaik bagi usaha-usaha ini.

Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin tentu kita sedar bahawa tenaga amat berharga dan bahan mentah sangat diperlukan untuk menjana masa depan negara agar lebih lestari. Kami juga menyedari bahawa pengeluaran tenaga elektrik adalah berasaskan minyak dan arang batu yang tidak boleh diperbaharui. Melihat kepada realiti semasa, apabila sebuah negara semakin pesat membangun, kadar permintaan terhadap keperluan sumber tenaga juga semakin tinggi. Ia sekali gus memberi persoalan terhadap bagaimana sekiranya sumber tersebut mengalami kekurangan bekalan? Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun dalam hal pertumbuhan ekonomi, sosial serta pembangunan guna tanah. Perkembangan ini juga mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap permintaan kepada sumber tenaga elektrik untuk pelbagai tujuan termasuk pengangkutan, perindustrian dan domestik.

Pengamat alam sekitar Barat, Paul Ehrlich dan Barry Commober merumuskan bahawa peningkatan permintaan bekalan elektrik juga dipengaruhi oleh populasi. Sumber yang tidak boleh diperbaharui (RE) merupakan bentuk tenaga utama daripada sumber tak habis seperti tenaga suria, biojisim, biogas, tenaga hidro, hibrid solar dan tenaga haba bumi adalah konsep mesra alam iaitu 'bersih' dan 'hijau' kerana ia menghasilkan sedikit pencemaran alam sekitar berbanding sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui. Ia juga merupakan sumber tenaga yang terus dihasilkan oleh sifatnya. Sumber-sumber ini juga tidak boleh secara langsung menyediakan tenaga, tetapi sumber tenaga boleh berubah menjadi bentuk tenaga yang boleh digunakan. Antara inisiatif dilaksanakan TNB ke arah kemakmuran tenaga ialah dengan memperkenalkan Rumah Sifar Tenaga bersama integrasi RE dan teknologi cekap tenaga bagi menggerakkan kediaman pintar. Penyesuaian teknologi RE itu adalah seperti panel solar photovoltaic (PV), bateri penyimpanan RE dan stesen pengecasan

kenderaan elektrik (EV) yang dikendalikan oleh grid. Implementasi RE bukan sahaja memberi manfaat kepada kelangsungan hidup sumber bahan mentah tetapi juga mesra alam kerana ia melindungi pelepasan karbon kepada alam sekitar. Ia sekali gus menghasilkan tenaga yang bersih dan membantu dalam membina masa depan yang lebih hijau bagi Malaysia dan dunia secara umum. Masa depan alam sekitar yang lebih berketahanan, kualiti hidup dan kesejahteraan generasi masa depan terletak pada usaha kelestarian kita hari ini. Sokongan kepada langkah-langkah pengeluaran tenaga yang lebih bersih dan hijau!

Aktiviti manusia telah lama meningkatkan pelepasan karbon dioksida dan bahan pencemar udara atau gas rumah kaca yang menyebabkan peningkatan suhu bumi iaitu pemanasan global. Kesan keadaan ini ialah perubahan iklim yang boleh mengganggu keseimbangan alam sekitar serta menjejaskan sistem ekonomi, sosial dan kesihatan umum. Salah satu cara utama untuk menangani masalah ini ialah dengan penggunaan teknologi hijau dan amalan gaya hidup hijau. Tujuan utama teknologi hijau ialah untuk memperlambatkan pemanasan global dan mengurangkan kesan rumah kaca. Selain itu, ia juga menjimatkan penggunaan air, mengurangkan sisa dan menggunakan tenaga dengan lebih cekap. Menurut pendapat anda, bagaimana tahap teknologi hijau di negara ini dan menerapkannya dalam kehidupan seharian? Teknologi hijau telah menjadi bahagian penting dalam ekonomi negara yang menyumbang sebanyak RM7.9 bilion atau 0.8 peratus kepada KDNK pada tahun 2013. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangunkan teknologi hijau di negara ini. Tidak dapat dinafikan, belia merupakan penentu masa depan negara dalam memacu negara mencapai status negara maju.

Pelan Master Teknologi Hijau (Green Technology Master Plan) 2013 hingga 2030 yang dilancarkan kerajaan merupakan satu rangka kerja untuk memperkasakan teknologi hijau. Ia bertujuan untuk mengukuhkan ekonomi hijau dan menjadikannya sebagai penggerak untuk memacu pertumbuhan yang berketahanan. Pelbagai inisiatif akan dilaksanakan untuk membantu mencapai matlamat yang ditetapkan di bawah pelan ini seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hub teknologi hijau di rantau ASEAN. Antara inisiatif tersebut ialah skim pembiayaan teknologi hijau atau GTFS, program pensijilan MyHIJAU Mark, skim pelepasan cukai pelaburan dan skim

pengecualian cukai teknologi hijau, energy management gold standard (EMGS), mobiliti karbon rendah, perolehan hijau kerajaan, bandar rendah karbon dan international green and eco products exhibition and conference (IGEM). Oleh itu, kami akan terus menggalakkan dan memperluaskan aktiviti-aktiviti baru yang telah dijalankan. Ia bertujuan untuk memperluaskan penggunaan teknologi hijau, mengukuhkan budaya hijau dan kelestarian alam sekitar serta menanggapi isu perubahan iklim secara keseluruhan.

Ahli-ahli yang terhormat,

Segala pembangunan perlu berteraskan kepentingan orang awam dan bukannya sekelompok orang sahaja. Apakah jenis atau model pembangunan yang diinginkan oleh rakyat di Pulau Pinang? Kelestarian dan masa depan generasi akan datang perlu diambil kira apabila sesuatu pembangunan dirancang dan dilaksanakan.

Pembangunan yang dilaksanakan tidak semestinya dalam skala yang besar. Kegiatan ekonomi yang sedia ada di lokaliti tersebut perlu dimasukkan ke dalam mindset pembangunan lestari. Hanya dengan perancangan yang kecil serta model ekonomi yang autonomi baru membolehkan interaksi yang berperikemanusiaan serta membebaskan rakyat daripada kesusahan.

Dato' yang di-Pertua,

Pembangkang bukannya nak membankang semua usul yang dibentangkan oleh Adun Kerajaan, kami ingin peruntukan yang munasabah sebab kami juga dipilih oleh rakyatkan? Betul tak YAB Ketua Menteri? Oleh itu, saya cadangkan usul ini bukan sahaja mempercepat transformasi bandar kita menjadi bandar rendah karbon tetapi juga mengamalkan gaya hidup hijau seperti penjimatan penggunaan elektrik dan air, elak menggunakan plastik sekali pakai dan gunakan pengangkutan awam.

Ahli-ahli yang terhormat,

Kebajikan rakyat harus dijaga dan membantu rakyat dalam apa jua saja tanpa mengira latar belakang, kaum dan agama. Oleh itu, saya dengan rendah dirinya meminta supaya usul ini ditambahbaik dengan perkataan “**Usul Perbahasan Mengenai Usul Pemangkin Pembangunan Dan Perkembangan Penggunaan Teknologi Hijau Sebagai Usaha Strategik Untuk Merangsang Pertumbuhan Sosio-Ekonomi Negara**”

Sekian ucapan saya, Terima Kasih.

**Eugene Chan Rui Hong**

**N38 Bayan Lepas**

**Sidang Muda 2022/23**

